

bah

KERJASAMA DENGAN SABAH SETAKAT YANG DIKEHENDAKI UNDANG-UNDANG, KATA PM Mahathir - PBS

SINTOK (KEDAH), 7 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan pusat akan bekerjasama dengan kerajaan Sabah yang diterajui oleh parti pembangkang, Parti Bersatu Sabah (PBS), setakat yang dikehendaki oleh undang-undang sahaja.

+Setakat yang dikehendaki oleh undang-undang, kita akan bekerjasama, tidak lebih daripada itu,+ katanya ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Menteri Sabah Datuk Joseph Pairin Kitingan baru-baru ini.

Pairin yang juga Presiden PBS dilaporkan berkata bahawa kerajaan negeri itu akan meneruskan kerjasama dengan kerajaan pusat walaupun Dr Mahathir telah menyatakan pintu bagi PBS menyertai semula Barisan Nasional (BN) telah tertutup.

Ketika ditanya sama ada ini bermakna BN tidak akan menerima balik semua parti yang keluar daripada BN, Dr Mahathir berkata, perkara itu akan dikaji mengikut keadaan kes.

PBS ditolak daripada menyertai semula BN setelah parti itu didapati tidak boleh diyakini lagi, kata beliau ketika ditemui selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Bekas Perajurit Malaysia di kampus Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini hari ini.

BN belum mempunyai pengalaman seperti yang dihadapinya dengan PBS kini, katanya. -- Lagi.

▼07/05/14-42MST

dan

Mahathir - PBS 2 Sintok

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan sememangnya berharap semua parti berada dalam BN, baik di peringkat negeri mahu pun peringkat pusat, tetapi kadang-kadang disebabkan oleh keadaan tertentu, ada parti menjadi pembangkang di peringkat negeri dan menjadi sebahagian daripada kerajaan di peringkat pusat.

+Ini merupakan satu fleksibiliti yang terdapat dalam BN. Kita tidak terlalu ketat dan kita mengutamakan pendekatan secara pragmatik,+ katanya.

Mengenai permohonan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) untuk menyertai semula BN Negeri Sarawak, beliau berkata, itu terpulang kepada BN Sarawak dan BN pusat tidak akan memaksanya untuk menerima semula PBDS.

PBDS kini menjadi parti komponen BN pada peringkat pusat tetapi menjadi pembangkang kepada kerajaan negeri Sarawak.

Dr Mahathir juga menolak anggapan media barat bahawa negara-negara barat bersikap dingin terhadap Malaysia sehingga para pemimpin Amerika Syarikat yang melawat rantau ini tidak singgah di Malaysia.

+Kita tidak bermasam dengan mereka, mungkin mereka yang bermasam dengan kita, sebab itu mereka tidak datang, terpulanglah kepada mereka,+ katanya.

-- Lagi.

▼07/05/14-44MST

bah

Mahathir - PBS 3 (Akhir) Sintok

Mengenai laporan majalah +Far Eastern Economic Review+ kononnya Presiden Amerika George Bush gagal menghubungi Dr Mahathir dari Singapura baru-baru ini, beliau berkata: +Hari itu hari Ahad; saya tak ada peluang (bercakap dengan Bush)... saya tak ada di pejabat masa tu.+

Perdana Menteri bagaimanapun menegaskan bahawa Malaysia tidak ada masalah daripada segi perhubungannya dengan AS.

+Kita berpendapat bahawa sebagaimana kita dikehendaki menerima kritik dan pandangan yang berbeza daripada kita, maka kita juga berhak mengkritik sesuatu yang kita dianggap perlu dikritik. Ini tidak bermakna kita sudah bermusuhan dengan sesiapa.

+Kalau kawan pun, kalau mereka buat sesuatu yang pada pendapat kita tidak betul, maka kita akan kritik. Kalau musuh kita pun, kalau dia buat betul, kita akan puji+

+Kita tidak ada pendirian memusuhi mana-mana negara. Kawan atau lawan, kita berhak untuk memberi pandangan,+ katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia juga tidak tahu sama ada AS tidak suka kepada Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) disebabkan oleh Malaysia atau sebab lain.

+Mereka menentang EAEC kerana bagi mereka kononnya ini tidak sihat. Itu pandangan mereka,+ katanya. --- Bernama.

▼07/05/14-48MST